

## **Tahap Penerimaan Industri Terhadap Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) 2020**

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah bekerjasama dengan pihak industri untuk menghasilkan modal insan yang memenuhi kehendak industri melalui penubuhan Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body* (ILB). Objektif kajian ini bertujuan mengenalpasti sejauhmana penerimaan industri di bawah ILB terhadap Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berdasarkan sektor di bawah ILB dan mengemukakan cadangan kaedah meningkatkan penerimaan industri terhadap SPKM. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif secara tinjauan menggunakan borang soal selidik atas talian (*online*). Populasi bagi kajian ini adalah sebanyak 2,704 syarikat di bawah ILB. Kaedah persampelan yang digunakan adalah *simple random sampling*. Jumlah sampel kajian adalah sebanyak 338 responden. Pengumpulan data dilakukan dalam tempoh sebulan secara dalam talian menggunakan *google form*. Kajian menunjukkan penerimaan industri di bawah ILB terhadap Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah Tinggi dengan skor min di antara 3.51 hingga 3.92. Purata skor min 3.74; *Technology Acceptance Model (TAM)* adalah sesuai diadaptasi dalam konteks penerimaan industri terhadap SPKM berdasarkan kesepadanan model analisis *Structural Equation Modelling* (SEM). Faktor kesedaran industri terhadap kepentingan SPKM ( $\beta=0.241$ ) dan SPKM yang mesra pengguna ( $\beta=0.556$ ) adalah penting untuk menarik minat industri menerima penggunaan SPKM di industri.